

## SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2019

### A. MEKANISME PEMBAYARAN FASA 2 DAN FASA 3 BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2019

1. **S: Bila tarikh pembayaran Fasa 2 dan Fasa 3 BSH 2019 bermula?**

J: Pembayaran akan bermula seperti berikut:

| BIL. | FASA BAYARAN         | TARIKH BAYARAN BERMULA |
|------|----------------------|------------------------|
| 1.   | Bayaran Fasa Pertama | 28 Januari 2019        |
| 2.   | Bayaran Fasa Kedua   | 28 Mei 2019            |
| 3.   | Bayaran Fasa Ketiga  | Ogos 2019**            |

\*\* Tarikh pembayaran akan diumumkan oleh Kerajaan Malaysia

2. **S: Bagaimana mekanisme pembayaran Fasa 2 dan Fasa 3 BSH 2019?**

J: Mekanisme pembayaran Fasa 2 dan Fasa 3 Bantuan Sara Hidup 2019 adalah secara **pengkreditan terus ke akaun bank.**

3. **S: Berapakah jumlah pembayaran Fasa 2 BSH 2019?**

J: Jumlah pembayaran Fasa 2 dan Fasa 3 BSH 2019 adalah seperti berikut:

i. **Penerima bayaran Fasa Pertama BSH 2019**

| Pendapatan Isi Rumah ≤ RM2,000 |                |                |                |                |                |
|--------------------------------|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
| Bilangan Anak                  | 0              | 1              | 2              | 3              | 4              |
| FASA 1                         | RM300          | RM300          | RM300          | RM300          | RM300          |
| FASA 2                         | RM300          | RM420          | RM540          | RM660          | RM780          |
| FASA 3                         | RM400          | RM400          | RM400          | RM400          | RM400          |
| <b>JUMLAH</b>                  | <b>RM1,000</b> | <b>RM1,120</b> | <b>RM1,240</b> | <b>RM1,360</b> | <b>RM1,480</b> |

| Pendapatan Isi Rumah RM2,001 – RM3,000 |              |              |              |                |                |
|--|--------------|--------------|--------------|----------------|----------------|
| Bilangan Anak                          | 0            | 1            | 2            | 3              | 4              |
| FASA 1                                 | RM300        | RM300        | RM300        | RM300          | RM300          |
| FASA 2                                 | RM150        | RM270        | RM390        | RM510          | RM630          |
| FASA 3                                 | RM300        | RM300        | RM300        | RM300          | RM300          |
| <b>JUMLAH</b>                          | <b>RM750</b> | <b>RM870</b> | <b>RM990</b> | <b>RM1,110</b> | <b>RM1,230</b> |

| Pendapatan Isi Rumah RM3,001 – RM4,000 |              |              |              |              |              |
|--|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|
| Bilangan Anak                          | 0            | 1            | 2            | 3            | 4            |
| FASA 1                                 | RM300        | RM300        | RM300        | RM300        | RM300        |
| FASA 2                                 | RM100        | RM220        | RM340        | RM460        | RM580        |
| FASA 3                                 | RM100        | RM100        | RM100        | RM100        | RM100        |
| <b>JUMLAH</b>                          | <b>RM500</b> | <b>RM620</b> | <b>RM740</b> | <b>RM860</b> | <b>RM980</b> |

ii. **Penerima bagi Permohonan Baharu BSH 2019**

| <b>Pendapatan Isi Rumah ≤ RM2,000</b> |                |                |                |                |                |
|---------------------------------------|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
| <b>Bilangan Anak</b>                  | <b>0</b>       | <b>1</b>       | <b>2</b>       | <b>3</b>       | <b>4</b>       |
| FASA 1                                | -              | -              | -              | -              | -              |
| FASA 2                                | RM600          | RM720          | RM840          | RM960          | RM1,080        |
| FASA 3                                | RM400          | RM400          | RM400          | RM400          | RM400          |
| <b>JUMLAH</b>                         | <b>RM1,000</b> | <b>RM1,120</b> | <b>RM1,240</b> | <b>RM1,360</b> | <b>RM1,480</b> |

| <b>Pendapatan Isi Rumah RM2,001 – RM3,000</b> |              |              |              |                |                |
|---|--------------|--------------|--------------|----------------|----------------|
| <b>Bilangan Anak</b>                          | <b>0</b>     | <b>1</b>     | <b>2</b>     | <b>3</b>       | <b>4</b>       |
| FASA 1  | -            | -            | -            | -              | -              |
| FASA 2  | RM450        | RM570        | RM690        | RM810          | RM930          |
| FASA 3  | RM300        | RM300        | RM300        | RM300          | RM300          |
| <b>JUMLAH</b>                                 | <b>RM750</b> | <b>RM870</b> | <b>RM990</b> | <b>RM1,110</b> | <b>RM1,230</b> |

| <b>Pendapatan Isi Rumah RM3,001 – RM4,000</b> |              |              |              |              |              |
|---|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|
| <b>Bilangan Anak</b>                          | <b>0</b>     | <b>1</b>     | <b>2</b>     | <b>3</b>     | <b>4</b>     |
| FASA 1  | -            | -            | -            | -            | -            |
| FASA 2  | RM400        | RM520        | RM640        | RM760        | RM880        |
| FASA 3  | RM100        | RM100        | RM100        | RM100        | RM100        |
| <b>JUMLAH</b>                                 | <b>RM500</b> | <b>RM620</b> | <b>RM740</b> | <b>RM860</b> | <b>RM980</b> |

4. **S: Saya telah menghantar Borang Permohonan BSH 2019 tetapi tidak mendaftarkan Maklumat Akaun Bank. Bagaimanakah bayaran BSH 2019 yang akan saya terima?**

J: Sekiranya anda lulus BSH 2019 dan **tidak mendaftarkan akaun bank**, BSN akan membuka akaun bank (BSN) berdasarkan persetujuan dan akuan pemohon yang terdapat pada Borang Permohonan BSH 2019. Maklumat Akaun Bank yang akan dibuka sama ada bagi Pemohon / Pasangan adalah seperti berikut:

- i. Maklumat **akaun isteri (pasangan)** bagi pemohon berumur 59 tahun dan ke bawah sekiranya:
  - Permohonan BSH 2019 dibuat atas nama suami; dan
  - Pemohon berstatus kahwin (Pemohon dan pasangan Warganegara Malaysia)
- ii. Maklumat **akaun pemohon** sekiranya:
  - Pemohon berstatus Kahwin (pasangan Bukan Warga Negara Malaysia); atau
  - Pemohon berstatus Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda mempunyai anak; atau
  - Pemohon berstatus Warga Emas

**5. S: Saya sebagai suami telah melaporkan Maklumat Akaun Bank saya semasa permohonan BSH 2019. Adakah bayaran akan disalurkan ke akaun bank saya?**

J: Kerajaan telah menetapkan pembayaran Fasa kedua dan ketiga bagi pemohon yang lulus akan dilakukan seperti jawapan bagi soalan 4. Oleh itu, jika pasangan anda adalah Warganegara Malaysia, BSN akan membuka akaun isteri berdasarkan persetujuan dan akaun pemohon yang terdapat pada Borang Permohonan BSH 2019 bagi pembayaran BSH 2019.

**6. S: Saya melaporkan Maklumat Akaun Bank yang tidak tepat semasa Permohonan BSH 2019. Bagaimanakah bayaran BSH 2019 yang akan saya terima?**

J: Sekiranya anda lulus BSH 2019 dan Maklumat Akaun Bank yang dilaporkan adalah tidak tepat, status pengkreditan ke akaun bank yang dilaporkan adalah tidak berjaya. Oleh itu, BSN akan membuka akaun bank berdasarkan persetujuan dan akaun pemohon yang terdapat pada Borang Permohonan BSH 2019 bagi pembayaran BSH 2019 (Rujuk jawapan bagi soalan 4).

**7. S: Saya melaporkan Maklumat Akaun Bank semasa Permohonan BSH 2019. Apakah yang menyebabkan bayaran tidak dikreditkan ke akaun saya?**

J: Antara sebab bayaran tidak dikreditkan ke akaun bank yang dilaporkan adalah:

- i. Maklumat akaun yang dilaporkan tidak tepat; atau
- ii. Pengenalan pemilik akaun tidak sama seperti pengenalan pada permohonan BSH 2019; atau
- iii. Status akaun yang dilaporkan adalah Akaun Bersama / Akaun Dormant / Akaun Tidak aktif; atau
- iv. Bagi pemohon yang berumur 59 tahun dan ke bawah, rujuk jawapan bagi soalan 4; atau
- v. Status akaun bank tersenarai sebagai senarai hitam bank

BSN akan membuka akaun bank berdasarkan persetujuan dan akaun pemohon yang terdapat pada Borang Permohonan BSH 2019 bagi pembayaran BSH 2019 (Rujuk jawapan bagi soalan 4) bagi perkara i hingga iv.

**8. S: Bagaimana saya boleh mengetahui pembukaan akaun bank baharu oleh BSN bagi pembayaran BSH 2019?**

J: Pembukaan akaun bank baharu boleh disemak oleh pemohon setelah LHDNM menerima maklumat daripada BSN seperti berikut:

- i. Surat Makluman pembukaan akaun bank baharu BSH 2019 akan diposkan kepada pemohon berdasarkan alamat yang telah didaftarkan semasa BSH 2019; atau
- ii. Semakan melalui MyBSH > Semakan Status > Maklumat Pembayaran
- iii. Surat Makluman pembukaan akaun bank baharu BSH 2019 juga akan dimuat naik ke MyBSH > Peti Mel > Surat

9. **S: Saya telah membuat semakan pada MyBSH dan bagaimanakah saya boleh mengetahui pembayaran Fasa 2 BSH 2019 dibayar kepada akaun bank saya atau pasangan?**
- J: Tuan boleh membuat semakan pada MyBSH > Semakan Status > Maklumat Pembayaran bagi Fasa 2. Maklumat yang dipaparkan adalah seperti berikut:
- Nombor Pengenalan Akaun dikredit
  - Nama Penerima
  - Nama Bank
  - Nombor Akaun Bank
10. **S: Sekiranya akaun bank baharu dibuka bagi pembayaran Fasa 2, bilakah pemilik akaun bank baharu boleh hadir ke BSN untuk pengeluaran wang BSH 2019?**
- J: Pemilik akaun bank baharu boleh hadir ke BSN mulai 28 Mei 2019 bagi pengesahan maklumat dan pengeluaran wang BSH 2019 dengan membawa MyKad Asal.
11. **S: Sekiranya penerima bayaran BSH 2019 telah meninggal dunia sebelum / selepas bayaran dikreditkan ke akaun bank, bagaimanakah proses pengeluaran wang BSH 2019?**
- J: Proses pengeluaran wang BSH 2019 adalah seperti proses semasa yang dipraktikkan oleh Institusi Kewangan. Waris / wakil perlu hadir ke Bank berdasarkan maklumat bank yang didaftarkan pada permohonan BSH 2019 bagi tindakan selanjutnya.
12. **S: Apakah tindakan yang perlu dibuat jika saya telah menerima Surat Makluman BSH 2019 tetapi semakan saya mendapati wang BSH 2019 tidak dikreditkan atau dikeluarkan oleh pihak ketiga?**
- J: Tuan perlu membuat semakan dengan pihak bank dan mendapatkan penyata bank terperinci berdasarkan tarikh transaksi pembayaran fasa berkenaan. Sekiranya:
- Tiada transaksi kemasukan wang** – aduan perlu dibuat ke Cawangan LHDNM yang berdekatan dengan membawa penyata bank terperinci.
  - Wujud transaksi pengeluaran wang oleh pihak ketiga** - laporan polis perlu dibuat dan kemukakan laporan polis serta penyata bank terperinci ke LHDNM untuk tindakan selanjutnya.
13. **S: Saya tidak memerlukan BSH 2019, apa yang perlu saya lakukan?**
- J: Tuan perlu hadir ke Cawangan / Pusat Khidmat Hasil (PKH) / *Urban Transformation Centre* (UTC) LHDNM yang berhampiran untuk mengisi borang pembatalan bagi menukar status permohonan.

**14. S: Akaun bank saya telah dibekukan kerana diisytiharkan mufliis / senarai hitam. Bagaimana cara untuk saya mendapat wang BSH 2019 tersebut?**

J: Tuan perlu merujuk kepada Jabatan Insolvensi Malaysia bagi mendapatkan kebenaran khas untuk pengeluaran wang BSH 2019 melalui akaun bank.

**15. S: Saya tidak menerima sebarang Surat Makluman berkenaan pembayaran BSH 2019, apa yang perlu saya lakukan?**

J: Tuan boleh membuat semakan status kelulusan BSH 2019 seperti berikut:

**i. Semakan tanpa penggunaan Nombor TAC**

Portal Rasmi Bantuan Sara Hidup LHDNM, <https://bsh.hasil.gov.my> dengan memilih **Menu Semakan Kelulusan BSH 2019** dengan menggunakan Nombor MyKad bagi semakan asas kelulusan seperti berikut:

- Lulus
- Dalam Proses
- Tidak Lulus

**ii. Semakan menggunakan Nombor TAC**

Log Masuk Menu MyBSH bagi semakan terperinci amaun kelulusan dan Maklumat Pembayaran

**16. S: Sebelum ini saya dikategorikan sebagai pedalaman Sabah / Sarawak bagi BSH 2019. Bagaimanakah kaedah pembayaran Fasa 2 BSH 2019?**

J: Bagi pemohon yang mempunyai akaun atau tiada akaun dan dikategorikan sebagai pedalaman Sabah / Sarawak, mekanisme pembayaran akan dimuktamadkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF).